



BARISAN NASIONAL MALAYSIA **(National Front Malaysia)**

SETIAUSAHA AGUNG

(Secretary General)

KENYATAAN MEDIA

Barisan Nasional berkongsi kesedihan dan dukacita dengan Dato' Sri Najib Tun Abd Razak berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan menolak rayuan beliau.

Selaku Penasihat Barisan Nasional, Dato' Sri Najib telah banyak berjasa memastikan kemantapan Barisan Nasional dan kejayaan dalam pelbagai gerak kerja pilihanraya.

Barisan Nasional sentiasa berpegang kepada prinsip suatu proses perbicaraan yang tidak terangkum dalam maksim "justice hurried is justice burried" dapat dilaksanakan dengan penuh keadilan dan keihisan bagi membolehkan seorang perayu diberikan hak secukupnya untuk mempertahankan dirinya.

Teras kedaulatan undang-undang akan terus menjadi prinsip dan panduan Barisan Nasional. Justeru seperti yang disebutkan oleh Lord Chief Justice Hewart, setiap proses perbicaraan hendaklah bukan sekadar keadilan dilaksanakan tetapi hendaklah juga dilihat secara jelas dan tanpa ragu bahawa keadilan dilaksanakan (justice should not only be done but should be manifestly and undoubtedly be seen to be done).

Maka ruang dan proses keadilan sepenuhnya hendaklah diberikan kepada Dato' Sri Mohd Najib berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.

Marilah kita terus sama-sama bersolidariti dan mendoakan agar Dato' Sri Mohd Najib diberikan kecekalan, kesabaran, dan kekuatan daya dalam menghadapi mihnah besar ini.

Barisan Nasional merayu kepada semua pendokong agar dapat mengekalkan ketenangan dan keharmonian dalam tempoh yang mencabar ini.

Dr Zambry Abd Kadir

24 Ogos 2022

(KM/7/2022)